

UDA harap terima pampasan setimpal

UDA Holdings Bhd berharap pampasan yang akan diberikan MRT Corp Bhd sebagai ganti rugi jika bangunan Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) perlu dirobohkan kepadanya dan peniaga Bumiputera yang terjejas, dilakukan setimpal dan adil.

Perancangan pelupusan bangunan itu, turut melibatkan sebahagian bangunan Yayasan Selangor bakal dilaksanakan bagi memberi laluan pembinaan projek mega kerajaan, Transit Pantas Massa (MRT), untuk kerja pembinaan stesen bawah tanah.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan

Mohamed berkata, jika bangunan BB Plaza dirobohkan, syarikat akan kehilangan perolehan sekitar 25 peratus atau RM20 juta hingga RM25 juta setahun hasil bayaran sewa lot di premis berkenaan.

“Bagaimana pun, apa yang menjadi kebimbangan kami ialah perniagaan peniaga Bumiputera bakal terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan pembinaan projek MRT yang dianggarkan memakan masa empat hingga lima tahun,” katanya selepas merasmikan transformasi sistem teknologi maklumat Uda di Kuala Lumpur, semalam.